

15 JAN 2003

NAM-Algeria 2 Kuala Lumpur

ALGERIA HARAP ANGGOTA-ANGGOTA NAM - 2

"Saya harap pertemuan di Kuala Lumpur akan menyaksikan beberapa keputusan agar kita boleh meneruskan dengan NAM yang baru," kata Bladehane.

Duta itu berpendapat NAM masih sebuah organisasi yang berkaitan memandangkan ia menyediakan forum bagi negara-negara membangun.

"Memandangkan banyak negara membangun yang cuba menyelesaikan sendiri masalah mereka tetapi tidak berdaya berbuat demikian, oleh itu mereka tidak berupaya berhadapan dengan semua proses dan pembangunan yang kini memudaratkan mereka.

"Kini terdapat falsafah unilateral, yang memberitahu kita bagaimana ekonomi antarabangsa yang sepatutnya, tetapi saya fikir globalisasi antarabangsa perlu dipantau oleh kedua-dua negara maju serta negara-negara membangun dan untuk tujuan itu saya rasa NAM masih mempunyai kaitan," kata beliau lagi.

Beliau berkata anggota-anggota NAM perlu berganding bahu dan menyeragamkan kedudukan mereka dalam mendapatkan lebih kuasa perundingan.

"Biarlah hubungan antarabangsa bergerak dalam satu arah yang tidak akan memudaratkan beberapa negara. Jika kita hendak bercakap atau bersuara mengenai sesuatu isu itu sebagai sebuah kumpulan, kita akan didengari secara lebih serius," kata beliau lagi.

Beliau berkata kewujudan lebih banyak platform seumpama itu seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), G15 dan G77, akan menyediakan negara-negara anggota lebih banyak saluran untuk menyuarakan pendapat dan cadangan mereka.

"Secara asasnya, masalah yang dihadapi oleh negara-negara maju dan kurang maju adalah sama, jadi lebih banyak platform yang kita ada lebih baik," kata beliau.

Bladehane berharap pergerakan itu akan menggalakkan beberapa pemahaman mengenai hubungan antarabangsa memandangkan sesetengah negara mungkin tidak begitu mahir mengenainya.

"Sebaik sahaja semua anggota memahami isu-isu sepenuhnya, mereka akan lebih yakin untuk bekerja sebagai sebuah pasukan agar kumpulan itu mempunyai lebih kekuatan," kata beliau lagi.

Beliau berkata isu-isu penting yang perlu dibincangkan pada Sidang Kemuncak yang akan datang ialah mengenai situasi di Iraq dan Palestin, selain keperluan untuk menghidupkan NAM itu sendiri.

"Kita perlu kembali semula kepada keadaan serupa yang membawa kepada penubuhan NAM. Sebaik sahaja anggota-anggota NAM bersatu dan berkongsi visi mengenai bagaimanakah seharusnya hubungan antarabangsa dalam era yang baru, mereka akan lebih berupaya memberhentikan penguasaan selanjutnya oleh kuasa-kuasa besar.

"Jika kita berhadapan dengan masalah secara bersendirian, sebahagian daripada kita mungkin menentang lebih dari yang lain tetapi yang pastinya kita semua akan dipinggirkan," kata beliau lagi.

Untuk berita-berita berkaitan NAM, sila layari www.nam2003.com

-- BERNAMA

RT MFJ ROS